



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 6

RABU 6 FEBRUARI, 1985.

رابو 15 جساڊي الاول 1405

PERCUMA

Peperiksaan Brunei-Cambridge akan diadakan dua kali setahun

GADONG. — Sebagai lanjutan meninggikan sistem pendidikan di negara ini, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dijangka akan mengadakan peperiksaan dua kali setahun bagi peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. peringkat biasa dan lanjutan mulai pertengahan tahun ini.

Sebelumnya, beberapa perancangan yang telah disediakan telah pun dilaksanakan dan dihidangkan kepada masyarakat di negara kita, di antaranya ialah penubuhan Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkihah, pelaksanaan Sistem Kegiatan Tambahan atau Kegiatan Luar, Pelaksanaan Sistem Dwibahasa dan mencantumkan Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal dan Pusat Latihan Teknikal menjadi Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal.

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan berkata, segala langkah-langkah tersebut adalah membuktikan pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi pembisaian dan pengusahaan hal-hwal pendidikan di negara ini.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan berucap demikian ketika merasmikan Pelancaran Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan

Jubli Perak Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkihah di sini hari Ahad lepas.

Dalam pada itu, menurut Yang Dimulihkan Pehin, pada pertengahan tahun lalu telah dijalankan kursus meninggikan taraf yang bertujuan untuk membantu guru-guru meninggikan taraf akademik mereka di samping peserta-peserta yang lulus akan mendapat kenaikan gaji.

Tegasnya, semua usaha di bidang pendidikan yang sedang kita lakukan ini adalah memerlukan dedikasi, keyakinan dan kegigihan kepada semua pegawai dan guru-guru yang bertanggungjawab pada melaksanakannya, di samping sokongan dan pandangan yang membina dari orang ramai.

Yang Dimulihkan Pehin juga merakamkan rasa penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua pihak yang berupaya menyusun laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972. Yang mana melalui laporan tersebut, jelasnya, sistem pendidikan negara yang secara berperingkat-peringkat yang diunkayahkan pada ketika ini adalah sentiasa

Lihat muka 20

TIGA KONSEP DASAR PELAJARAN NEGARA

Oleh: Zubaidah H.S.

GADONG. — Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan telah menekankan tiga konsep dasar pendidikan negara di dalam ucapan perasmian di majlis Pelancaran Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam pada hari Ahad lalu.

Tiga konsep tersebut ialah konsep Dwibahasa, konsep Melayu Islam Beraja dan konsep Islamisasi Ilmu Pengetahuan yang telah dibentangkan kepada Pegawai-pegawai Pelajaran, Pengetua-pengetua dan Guru-guru Besar yang menghadiri majlis tersebut.

Menurut Yang Dimulihkan Pehin, konsep Dwibahasa adalah dihasratkan supaya kedudukan Bahasa Melayu akan kekal menjadi 'dominant' dalam sistem pendidikan di samping dapat membantu perkembangan dan kedaulatan Bahasa Melayu bagi kehidupan rasmi dan urusan sehari-hari di negara ini.

Seterusnya pada menyesuaikan sistem pendidikan negara ini dengan konsep Melayu Islam Beraja sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di pengisytiharan Kemerdekaan pada 1 Januari

melalui langkah-langkah yang berkesederhanaan.

Pada kesimpulannya, jelas Menteri Pelajaran dan Kesihatan konsep MIB akan menerapkan nilai-nilai ajaran Islam yang suci umpamanya

mendidik kanak-kanak supaya sentiasa taat kepada Allah, setia pada Raja dan memiliki pemikiran dan pendirian yang sihat semata-mata pada meneruskan keinginan

Lihat muka 20

Brunei akan mendatangkan guru-guru dari Pakistan

BERAKAS. — Brunei Darussalam akan membuat pengambilan guru-guru teknikal dari Negara Pakistan bagi mengajar matapelajaran teknikal di maktab teknikal dan sekolah-sekolah di negara ini.

Perjanjian bagi pengambilan tersebut telah ditandatangani petang Isnin lepas, antara Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong bagi pihak Brunei Darussalam dan Tuan Sarjid

Ali Khan (Allied Services) bagi pihak Negara Pakistan.

Pengambilan tersebut dibuat hasil dari rundingan kedua belah pihak beberapa bulan lalu. Bagaimanapun, setakat ini belum diketahui jumlah guru-guru yang akan diambil.

Majlis menandatangani perjanjian pengambilan itu juga dihadiri sama oleh Setiausaha Tetap di

Lihat muka 20

Angka tunjuk bulan Dis.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-barang Pengguna bagi bulan Disember 1984 ialah 145.2 mata dan ini adalah 0.1% rendah dari angka tunjuk bagi bulan November 1984. Jika dibandingkan dengan angka tunjuk bagi bulan Disember 1983, angka tunjuk bulan ini adalah 4.1% lebih tinggi.

Penurunan angka tunjuk bulan ini adalah disebabkan oleh penurunan angka tunjuk kumpulan 'makanan'

sebanyak 0.3%. Angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah masih tetap tidak berubah.

Barang-barang makanan yang menyebabkan penurunan angka tunjuk bulan ini ialah beberapa jenis ikan hidup (tenggiri, ikan merah, bekalang, udang besar, udang galah dan udang kecil), telur ayam tempatan, beberapa jenis buah-buahan (betik, limau manis) dan beberapa jenis sayur-sayuran (bayam, timun, kacang panjang, kacang bendir dan terung).



TUAN Sarjid Ali Khan, menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak Negara Pakistan (kiri) dan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menandatangani perjanjian bagi pihak Negara Brunei Darussalam.

MANISNYA IMAN

"INGATLAH! Sesungguhnya kepunyaan Allah apa yang ada di langit dan di bumi. Ingatlah! Sesungguhnya janji Allah itu benar, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui." — Makna ayat 55 Surah Yunus.



Pelita Brunei

6 FEBRUARI, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KEAMANAN DAN KEMEWAHAN DALAM SUASANA NEGARA DIKAWAL OLEH UNDANG-UNDANG

SALAH satu keberuntungan negara kita ialah ia menikmati keamanan, kemantapan dan kemajuan ekonomi dalam suasana ia dikawal oleh undang-undang. Seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Mulia Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan baru-baru ini,

keadaan tersebut akan lebih terjamin dengan adanya kawalan undang-undang terhadap kepentingan individu yang membawa kepada soal keselamatan nyawa dan harta benda.

Sesungguhnya keberuntungan sedemikian itu merupakan suatu nikmat kurnia Allah Subhanahu Wataala kepada Negara Brunei Darussalam dan kepada sekalian isi di dalamnya. Nikmat hidup dalam aman dan dalam suasana mewah dengan mata pencarian mudah didapati adalah menjadi idaman setengah-setengah bangsa di negara-negara yang mengalami huru-hara dan malapetaka. Idaman mereka itu semakin sukar dicapai dengan negara mereka terus-menerus terjerumus ke dalam berbagai-bagai krisis termasuklah ketiadaan kawalan undang-undang secara berkesinambungan. Hal yang sedemikian itu tidak berlaku ke atas kita bahkan sebaliknya negara kita, alhamdulillah, terus-menerus berkeadaan mantap dari segi politik dan ekonominya.

Sememangnya kita selalu merujuk kepada nikmat kurnia Allah Subhanahu Wataala ke atas keamanan dan kesejahteraan hidup yang kita nikmati di negara ini. Itu tandanya yang kita melihat keamanan dan kemantapan politik serta ekonomi tidak

semata-mata dari faktor kebendaan. Kita sebenarnya dan memang sewajarnya juga melihat dari faktor kemanusiaan. Dalam hubungan ini sifat serta sikap masyarakat dan seterusnya bangsa kita turut sama memberikan sumbangannya. Tegasnya masyarakat dan bangsa kita adalah teguh berpegang kepada nilai-nilai murni menerusi fahaman dan amalan beragama. Pada umumnya sifat dan sikap masyarakat bangsa kita jelas merupakan masyarakat dan bangsa yang takutkan Allah dalam etikata mengawal diri untuk sentiasa berbuat baik dan menjauhi perbuatan-perbuatan jahat. Dalam makna itu masyarakat bangsa kita adalah taat berundang-undang. Kita bukan sahaja memberi penghormatan kepada undang-undang bahkan menaruh harapan untuk sentiasa dikawal dan dilindungi oleh undang-undang.

Sifat dan sikap masyarakat dan bangsa kita sedemikian itu telah menolong mewujudkan suasana aman dan sejahtera. Kesannya ialah kita sekalian menikmati taraf hidup yang selesa menerusi pelaksanaan rancangan-rancangan sosio-ekonomi Kerajaan. Inilah faktor yang terpenting dalam perkembangan dan kemajuan negara pada keseluruhannya. Dan sifat serta sikap masyarakat bangsa kita

yang berteraskan pegangan agama itu telah terbukti menjadi landasan yang turun-temurun memberi kekuatan dalam menegakkan serta mengesankan pemerintahan negara. Maka dalam usaha mengekalkan keadaan aman dan meningkatkan lagi mutu kesejahteraan yang telah dinikmati sangatlah penting faktor kemanusiaan yang sedemikian itu terus diambil kira. Dan alhamdulillah sejauh ini Kerajaan kita tidak mengabaikan kepentingan tersebut. Usaha terus-menerus dibuat menentukan masyarakat kekal menjadi masyarakat dan bangsa yang taat beragama dengan sentiasa mengambil kira akan hukum-hukum Allah. Dengan cara itu kita mempunyai keyakinan dan menaruh harapan akan kegemilangan masa depan bagi keturunan kita.

Kita penuh insaf memastikan wujudnya masa depan yang gemilang itu tidaklah semudah mengimpikannya. Ia menghendaki kesediaan untuk bekerja keras merancang dan melaksanakan berbagai usaha. Kestabilan dan kemajuan ekonomi dalam suasana negara dikawal oleh undang-undang pada masa hadapan mestilah terus mendapat sendi kekuatannya daripada generasi yang akan datang itu yang sikapnya teguh berpegang kepada ajaran turun-temurun iaitulah Islam.

Penyampaian lencana kepada 37 ahli baru Pandu Puteri

TUTONG. — Pandu Puteri diseru, taat kepada raja dan pemerintahnya, negara tumpah darah, undang-undang, melindungi harta benda dan bersedia berbakti untuk nusa dan negara.

Seorang Pandu Puteri adalah bersifat jujur dan diyakini percakapannya, taat kepada negara, raja, undang-undang, kepada ibu bapa dan guru-guru, bersopan santun yang ramah tidak sombong, mempunyai budi pekerti yang halus.

Seruan ini dibuat oleh Timbalan Yang Dipertua Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Datin Masni binti Haji Ali berucap sebelum penyampaian lencana Pandu Puteri di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong pada Jumaat lepas.

Datin Masni seterusnya berkata, "Membiasakan diri mematuhi peraturan ianya akan menjadi suatu kebiasaan dan ini akan memandu Pandu Puteri menjadi seorang yang berdisiplin di mana disiplin adalah sesuatu tiang kekuatan sesebuah negara."

Katanya dengan perantaraan ini bermakna mereka telah menjadi ahli dalam satu keluarga anak-anak muda di merata-rata dunia, yang keahliannya tidak memandangkan bangsa, agama, kepercayaan atau keturunan, ianya bertujuan mulia untuk menggalakkan dan membentuk jasmmani, akal, sosial dan rohani mereka bagi menyediakan mereka mengambil tempat yang sempurna membina masyarakat.

Menurut Datin Masni dengan perantaraan ini, bukan sahaja akan melahirkan Pandu Puteri yang berdisiplin yang patuh kepada undang-undang bahkan akan menjadi pemimpin beliawanis di masa hadapan. Untuk kemajuan dan kebaikan negara kita bersama.

Kepada ahli yang beragama Islam, Datin Masni menasihatkan mereka supaya menjalankan kewajipan-kewajipan kepada Allah iaitu menjauhi akan larangan-larangan-Nya.

Seramai 37 orang ahli baru Pandu Puteri Daerah Tutong telah menerima lencana di majlis itu. Mereka adalah terdiri dari Pasukan Company 2, Pandu Puteri Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong, Pasukan Company 3, Pandu Puteri Happy Kindergarden dan Pasukan Company 4, Pandu Puteri Tutong Public School.

Majlis petang itu telah dimulakan dengan barisan kehormatan dan Lagu Kebangsaan dan seterusnya mengibarkan bendera dan kemudiannya diikuti dengan ucapan alu-aluan dari Pengerusi Majlis Awang Mahali Momin, Pengetua Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.



Datin Masni menyematkan lencana Pandu Puteri kepada salah seorang ahli baru.

Syarikat Kerjasama Stesen Minyak Mukim Lumapas ditubuhkan

LUMAPAS. — Penduduk-penduduk Mukim Lumapas telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Syarikat Kerjasama Stesen Minyak dengan Tanggungan Berhad di dalam satu mesyuarat yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Lumapas pada bulan Disember tahun lepas.

Baru-baru ini Ahli-ahli Jawatankuasa Penubuhan telah membentuk Jawatankuasa Sementara bagi menubuhkan syarikat tersebut yang diadakan di tempat yang sama.

Dalam mesyuarat tersebut Awang Kassim bin Haji Safar telah dilantik menjadi Pengerusi; Timbalan Pengerusi Awang Haji Bidin bin Haji Kasah; Setiausaha, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Ahmad dan Timbalan Setiausaha Awang Jumat bin Akim, Pemegang Amanah I Awang Haji Mohiddin bin Haji Ghafar dan Pemegang Amanah II Awang Haji Mahmud bin

Lamat, di samping beberapa orang jawatankuasa biasa dengan tanggungan dan tugas-tugas masing-masing.

Mereka yang ingin menjadi ahli syarikat tersebut terutamanya penduduk-penduduk mukim tersebut, bolehlah mendapatkan borang-borang dari sekarang daripada Setiausaha, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Ahmad, Awang Jumat bin Akim di Kampung Putat dan dari Ketua-ketua Kampung di Mukim Lumapas.

Disebabkan tapak bina yang sesuai bagi membangun syarikat ini belum diperolehi, peluang adalah dibukakan kepada orang ramai di mukim tersebut bagi menawarkan tanah mereka untuk dipilih sebagai tapak bina melalui persatuan kedua-dua belah pihak.

Tanah tapak bina yang dikehendaki antaranya mestilah tanah bergeran kekal yang luasnya tidak kurang

setengah ekar, serta kedudukannya sehubungan dengan Jalan Lumapas atau Jalan Kasat atau yang bersesuaian. Tanah itu bukan yang berhadapan dengan jalan tidak kurang dari dua rantai.

Mana-mana tanah yang terpilih nanti mestilah bersesuaian dan mendapat kelulusan dari pihak yang berkenaan seperti Perancang Bandar dan Desa, Pejabat Tanah, Bomba, Polis, Elektrik, Kesihatan dan sebagainya.

Orang ramai yang ingin menawarkan tanahnya bolehlah berhubung terus kepada Awang Kassim bin Haji Safar di Institut Hassanul Bolkiah Gadong, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Ahmad, Ibu Pejabat Pos Besar, Bandar Seri Begawan. Awang Jumat bin Akim di Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Kebun dan dari Haji Mahmud Latif di Jabatan Hal Ehwal Ugama Bandar Seri Begawan.

PERTANDINGAN NASYID SEMPENA ISRAK MEKRAJ

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pertandingan Nasyid sempena sambutan Israk Mekraj bagi tahun 1405 Hijrah 1985 Masehi kini sedang dibukakan kepada persatuan-persatuan belia, badan-badan kebajikan yang berdaftar, badan-badan penuntut menengah atas dan kumpulan kelas-kelas dewasa agama di negara ini.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei itu akan dijalankan dalam tiga peringkat iaitu peringkat daerah, peringkat separuh akhir dan peringkat akhir.

Setiap daerah akan dimestikan menghantar sebanyak dua buah pasukan yang terdiri dari pasukan lelaki dan perempuan mengandungi antara 15 ke 20 orang.

Bagi senikata lagu peringkat daerah dan separuh akhir adalah bebas dikecualikan dari menggunakan ayat-ayat Al-Quran dalam irama nasyid dan sebarang irama yang berunsurkan lagu pop atau irama-irama moden.

Dalam pada itu satu pemilihan bagi peringkat Daerah Brunei dan Muara akan dilangsungkan pada 24 Februari bertempat di Dewan Sekolah Menengah Ugama Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit Batu 1½, Jalan Tutong bermula jam 8.00 pagi.

Borang-borang penyertaan bagi pertandingan ini hendaklah dihantar tidak lewat pada 11 Februari kepada Setiausaha Peraduan, Bahagian Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Ikuti kursus ijazah di N.Z.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah menghantar seorang lagi pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan bagi mengikuti kursus ijazah Ukur Tanah (Sarjana Muda) di Universiti Otago, Dunedin, New Zealand.

Beliau ialah Awang Berudin bin Haji Giok seorang Juruteknik Ukur Kanan, Jabatan Ukur dan akan berada di Universiti tersebut selama tiga tahun mulai bulan Februari ini.

Awang Berudin yang bertugas sebagai Penyelia Pegawai Luar di Jabatan

Ukur Daerah Belait sebelum ini telah memperoleh T.E.C. Diploma biasa dalam ukur tanah dan pemetaan dari United Kingdom dalam tahun 1982.



AWANG Berudin

ASAL USUL KESULTANAN BRUNEI

WALAU PUN Brunei dikatakan telah wujud sejak kurun yang ke-6 Masihi seperti yang disebutkan dalam riwayat China, tetapi berbanding kepada Salasilah Raja-Raja Brunei tidak ada keterangan yang menunjukkan adanya raja yang memerintah Brunei pada masa itu. Sultan Abu Ali yang dikatakan memerintah Brunei dalam abad yang ke-10, dan Sultan Makatunaw dalam abad yang ke-13, tidak dapat dikenal dengan lanjut siapakah mereka itu.

Salasilah Raja-Raja Brunei menerangkan bahawa Sultan Brunei yang mula-mula sekali memeluk Islam ialah Awang Alak Betatar yang mengambil nama Sultan Muhammad. Bertolak dari sinilah baharu diketahui susunan sultan-sultan yang memerintah Brunei hingga sekarang (lihat P.L. Amin Sweeney, "Salasilah Raja-Raja Brunei," JMBRAS, Vol. 41, Pt. 2, 1968 h. 1-82 dan Hugh Low, Salasilah (Book of Descent) of the Rajas of Brunei, JMBRAS, no. 5, June, 1968, h. 1 - 31).

Dalam Syair Awang Semaun ada menyebutkan bahawa Awang Alak Betatar ini terdiri dari 14 orang adik beradik iaitu: Awang Alak Betatar sendiri, Awang Semaun, Pateh Berbai, Pateh Mambang, Pateh Tuba, Pateh Sangkuna, Pateh Menggurun, Pateh Malakai, Pateh Pahit, Demang Sri, Pateh Sendayong, Demang Lebar Daun, Hapu Awang dan Pateh Laila Lenggong (Syair ini dijangka dikarang dalam kurun ke-17 kerana antara kandungannya adalah menyebutkan gelaran Pengiran Digadong dan Pengiran Pemanha yang mana kedua-dua gelaran ini telah diadakan bermula dalam pemerintahan Sultan Hassan yang memerintah Brunei dalam kurun tersebut).

Bersabung Ayam

Dua orang termasuk di antara saudara-saudara Awang Alak Betatar ini ialah Pateh Berbai (yang menjadi Pengiran Bendahara dan kemudiannya dikatakan menjadi Sultan Ahmad) dan Awang Semaun. Seorang lagi yang juga terkenal ialah Awang Senuai (anak kepada sepupu Awang Alak Betatar yang bernama Awang Jerambak). Kemasyhuran ini disebabkan kepintaran dan keahliannya dalam persabungan ayam.

Pada masa dahulu, sebelum kedatangan Islam atau sebelum Islam bertapak dengan kuat di kalangan penduduk tempatan, keahlian bersabung ayam adalah dianggap satu kebolehan yang luar biasa. Lazimnya orang yang 'ahli' bersabung ayam akan dapat mengenali melalui tandatanda yang ada pada ayam itu sendiri, mana-mana ayam yang akan membawa kemenangan semasa bertarung dan sebaliknya.

Menurut riwayatnya, pada zaman pemerintahan Awang Alak Betatar ini, Ratu Majapahit telah datang ke Brunei membawa ayam sabungan yang bernama "Asmara" dan ayam ini telah berlawan dengan ayam Brunei bernama "Mutiar" yang dipunyai oleh Awang Senuai.

Ratu Majapahit telah kalah dalam persabungan itu. Dari itu orang-orang Jawa yang seramai 40 orang yang telah dijanjikan sebagai pertaruhan telah diserahkan oleh Ratu Majapahit kepada Awang Alak Betatar Raja Brunei. Sebahagian dari mereka itu yang biasa bertani ditempatkan oleh Raja Brunei di Jerudong, yang selebihnya ditempatkan di Bandar Brunei. Kampung yang didiami oleh mereka di Jerudong itu hingga sekarang masih dinamakan "Majawa" sebagai mengingatkan sejarahnya (lihat Pehin O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Catatan Sejarah Perwira dan Pembesar-Pembesar Brunei, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, h. 3).

Nama Awang Alak Betatar itu kalau diertikan adalah sebagaimana berikut: Panggilan "Awang" di Brunei adalah sebagai gantian nama yang bermaksud "Tuan" atau "Ince" bagi orang lelaki, dan bagi perem-

puan dipanggil "Dayang". "Alak" dari bahasa Batak bererti "Orang." Dan "Betatar" dalam bahasa Brunei bererti membuat atau membentuk sesuatu benda (biasanya daripada logam) dengan menggunakan tukul. Benda yang hendak dibentuk itu diletakkan di atas landasan yang keras kemudian baharulah diketuk sehingga menjadi bentuk yang kita maksudkan. Jelas dari nama ini membayangkan bahawa Awang Alak Betatar ini adalah seorang yang gagah, berani, berhemah tinggi dan tidak mudah mengaku kalah dalam sebarang apa jua pertarungan (Ibid).

Raja Pagar Royong

Menurut cerita orang tua-tua bahawa asal-usul datuk nenek raja-raja Brunei adalah dari anak cucu raja Geroyong (Pagar Royong). Tetapi perhubungan dan perkaitan dengan Raja Geroyong ini tidak diketahui sama ada dari Awang Alak Betatar sendiri atau dari isterinya (seorang puteri Johor yang berasal dari Bukit Si Guntang). Kalau dilihat dari nama adik beradik Awang Alak Betatar seperti adanya gelaran "Pateh" dan "Demang" yang serupa dengan gelaran pembesar-pembesar di Minangkabau maka kemungkinan adanya perhubungan dengan Raja Pagar Royong itu adalah kuat.

Hal ini akan lebih jelas lagi kalau kita perhatikan Salasilah Raja-Raja



D.Y.M.M. Al-Marhum Sultan Hashim

Brunei (yang disimpan oleh al-Marhum Pengiran Di Gadong Pengiran Mohd Salleh), yang ada sebanyak sedikit persamaan dengan buku "Sejarah Melayu" karangan Tun Seri Lanang dalam tahun 1612 Masihi.

Tidak diketahui bagaimana boleh berlaku adanya setengah persamaan di dalam kedua-dua tulisan ini, pada hal menurut keluarga Diraja Brunei, Salasilah Raja-Raja Brunei ini telah disimpan sebagai warisan turun-temurun sejak Awang Alak Betatar lagi. Sementara Sejarah Melayu karangan Tun Seri Lanang itu hanya dikenali dan didengar di Brunei sebelum Perang Dunia ke-2.

Walau bagaimanapun apa yang penting dan ingin saya lihat di sini ialah adanya perhubungan Raja Brunei dengan Raja Johor (mungkin Melaka atau Singapura Tua) melalui perkahwinan seperti yang disebutkan di atas tadi. Salasilah Raja-Raja Brunei itu menceritakan dari awal susur galur keturunan kedua-dua Diraja Johor dan Brunei.

Bahawa inilah Salasilah anak cucu Sultan Iskandar Zulkarnain yang beristeri di dalam ayer namanya Raja Suran, beranak tiga orang, seorang keluar dunia negeri Palimbang. Inilah pada menyatakan anak raja yang jatuh ke gunung Si Guntang didapati oleh Wan Malini. Dan namanya raja itu Seri

Pahlawan. Dan beberapa bininya dalam negeri itu tidak beranak. Ada raja di laut namanya Demang Lebar Daun beranak seorang, namanya Tun Sundari. Diambil bini oleh Seri Pahlawan iaitu jadi bergelar Sang Sepurba di negeri Palimbang, jadi menantu Demang Lebar Daun beranak empat orang, yang tua Sang Maniaka dan kedua Tuan Puteri Chendera Dewi dan ketiga Tuan Puteri Mengindera Dewi yang keempat Sang Nila Utama. Dan Sang Maniaka diberi ayahnya berbinu anak raja Tanjung Pura. Dan Tuan Puteri yang tua dipinang oleh Betara Majapahit. Dan Tuan Puteri yang bungsu dipinang oleh Raja China. Dan Sang Nila Utama berbinu anak Puteri Iskandar di Bintan. Maka baginda pun kemas (sudah) memberi berlaki berbinu anaknya keempat itu ia pun belarai (belayar) ke Minangkabau berbinu anak tua-tua Minangkabau. Negeri itu belum lagi beraja. Itulah membawa pusakanya dan nama pedangnya si Mandang Kini, nama lembingnya Lambuara dan nama capnya kayu kempa dan mahkotanya satu. Dan hulubalangnya bernama Permakasi Mambang. Ia membunuh ular. Itulah maka dinamai Pagar Royong. Maka kemudian anaknya yang bernama Sang Nila Utama berkawal di Tanjung Bamban serta



D.Y.M.M. Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddin II

membawa isterinya. Maka terpancing tanah seberang Temasik namanya. Di dalam laut itu angin pun turun serta ombak pun besar, tiada tertahan lancang kenaikan itu. Berdatang sembahlah menteri kepada rajanya: "Jikalau tidak dibuang mahkota, tidak kenaikan timbul." Bertitahlah raja suruh buang, jangan bermara kepada kita. Tiba-tiba teduhlah angin itu lalu datang ke Temasik itu lalu berburulah ke darat. Berjumpa satu ekor serupa kambing. Ditanya oleh raja itu - tidak sekalian orang-orang tahu. Titah baginda Demang Lebar Daun, serupa macam itu singa. Maka kata raja baik negeri ini, tidak lagi aku pulang ke Bintan. Kararlah baginda itu di Temasik, sebab itulah digelar Singapura negeri itu. Baginda pun bergelar Seri Tri Buana, dibuat istana di Johor, beranakkan raja Johor dan seorang perempuan.

Maka kemudian kedengaran khabar ada raja di negeri Brunei namanya Awang Alak Betatar anak Sang Aji, dan wazirnya Pateh Berbai. Baginda itu maka dipanggil kedua-duanya ke Johor. Maka di buatkan menantu bernama Seri Sultan Muhammad di Johor dan Pateh Berbai jadi Bendahara Seri Maharaja. Dan Sultan Muhammad pun beberapa lamanya maka pulang ke Brunei membawa puteri



itu. Maka dapat pula pusaka negeri lima buah, pertama Kelaka, kedua Sambas, ketiga Sadong, keempat Samarahan, kelima Sarawak. Dan lagi ganta alamat dari Johor Kamalul Makam. Dan kemudian pula mengambil nobat dan nekara itu di negeri Minangkabau dan negeri Si Guntang. Yang pertamanya kerajaan negeri Brunei membawa hukum Islam mengikut Syariat Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di negeri Brunei iaitu Paduka Sultan Muhammad. Adalah zaman dahulukala daripada baginda itu, negeri Brunei lagi kafir, takluk ke Majapahit. Pada masa itu Betara Majapahit sudah hilang dan Pateh Arya Gajah Mada mengganti raja negeri itu. Dan Majapahit pun binasa. Maka tidak lagi Brunei menghantar ufti setampayan ayer pinang muda dan pada tahun hatta tatkala Brunei ke Majapahit lagi.

Dan Sultan Muhammad beberapa lamanya di Johor tidak beranak dengan puteri lalu dibawa pulang ke Brunei barulah beranak seorang perempuan. Masa Raja China menyuruh mengambil kumala di Bukit Kinabatangan, beberapa lamanya tidak dapat. Beberapa China yang balu. Maka kemudian menyuruh lagi wazirnya dua orang, seorang bernama Ong Kang, seorang bernama Ong Sum Peng. Maka tidak dapat oleh Ong Kang, maka Ong Sum Peng berbuat peti kaca. Ditaruhnya dian dalam peti itu. Ketika naga mencari makanannya diambil oleh Ong Sum Peng (kumala itu) lalu berlari (belayar).

Di tengah laut dilihat oleh Ong Kang lalu diambilnya (kumala) dibawa ke negeri China dan Ong Sum Peng menuju ke Brunei. Terdengarlah Ong Sum Peng baginda Sultan Muhammad beranak dengan puteri Johor seorang perempuan. Maka diperbuatnya bini oleh Ong Sum Peng. Ialah menggantikan kerajaan mertuanya. Ialah bergelar Sultan Ahmad, kerajaan ia di negeri Brunei. Maka baginda itu pun beranak perempuan juga bertambah-tambah baiknya. Ialah dinamai puteri Kinabatangan. Parasnya pun tiada di dalam negeri Brunei, terlebih daripada bonda baginda. Bermula seorang alim Parsi datang ke Brunei. Maka tuan itu pun mendengar khabar putera (puteri) baginda itu amat elok rupanya. Maka tuan itu pun berahi akan anak raja itu. Maka tuan itu pun menamai dirinya Syarif Ali pancir daripada Amirul Hassan datang dari negeri Taif. Maka diambil oleh baginda akan jadi menantu tuan itu dan ialah pula kerajaan negeri Brunei. Semua perkakas alat kerajaan diberikan oleh baginda kepada anakanda baginda.

(Lihat Pehin O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri, Catatan Sejarah Perwira dan Pembesar-Pembesar Brunei, h. 4 - 6. Lihat juga

sebagai perbandingan adanya unsur persamaan itu G. Shellabear Sejarah Melayu, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1982, h. 16 - 29).

Menurut riwayat, kisah bagaimana terjadinya perkahwinan Awang Alak Betatar dengan puteri Johor ini juga menarik perhatian. Ia dikatakan bermula apabila Awang Semaun melarikan puteri Johor itu ke Brunei tanpa pengetahuan Raja Johor. Menyedari hal ini raja Johor telah menitahkan supaya usaha-usaha mencari puteri Johor itu dilakukan. Satu utusan telah dihantarkan ke Brunei. Di Brunei utusan itu terpaksa naik di pasir Berakas kerana kapal yang mereka naiki telah karam.

Utusan Johor

Di sana mereka telah diberi perlindungan oleh orang-orang kampung dari orang-orang Kedayan. Dari cerita orang-orang kampung mereka mendapat tahu ada seekor burung yang ganjil yang pernah hinggap di kampung mereka. Utusan dari Johor itu telah mengesyaki mungkin burung tersebut adalah burung peliharaan puteri Johor yang bernama Burung Pingai.

Ini terus menguatkan lagi azam mereka untuk mengesan burung tersebut. Akhirnya mereka sampai ke sebuah kampung di mana burung itu hinggap tidak jauh dari kawasan istana. Dan dengan pertolongan orang-orang perempuan dari kampung itu, puteri Johor telah pergi ke kampung mereka untuk bertemu dengan utusan Johor.

Apabila perkara ini diketahui oleh Raja Brunei, baginda telah menitahkan supaya utusan dan puteri Johor tersebut dibawa ke istana. Di istana utusan dan puteri Johor telah menyembahkan permintaan kepada Raja Brunei Awang Alak Betatar supaya berangkat ke Johor mengadap Sultan Johor dan seterusnya melangsungkan perkahwinan di sana mengikut adat istiadat negerinya. Permintaan ini telah diperkenankan oleh Raja Brunei.

Pada masa berada di Johor itulah juga Raja Brunei dan pengiring-pengiringnya diislamkan. Sejak itu baginda dikenal sebagai Sultan Muhammad. Adindanya Pateh Berbai mendapat gelaran Pengiran Bendahara, sementara Awang Semaun menjadi Pengiran Temenggong. Semasa hendak balik ke Brunei, Sultan Johor telah mengurniakan beberapa orang pengiring yang terdiri dari lelaki dan perempuan. Pengiring-pengiring ini ditempatkan oleh Sultan Brunei di sebuah kampung yang diberi nama "Kampung Burung Pingai" mengambil sempena nama burung yang taat kepada tuannya seperti yang diriwayatkan itu.

Timbul satu persoalan: Benarkah Raja Johor telah Islam semasa Awang Alak Betatar menaiki takhta Kerajaan di Brunei, padahal Johor muncul ialah selepas Kerajaan Melaka jatuh ke tangan penjajah Portugis dalam tahun 1511 Masihi. Sedangkan Awang Alak Betatar dianggarkan berkuasa seabad sebelum itu.

Lihat muka 9

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Mungkin sudah pernah diperkatakan mengenai masjid, tetapi memikirkan hal ini amat berguna, maka sekali lagi kita ingin menyentuh dari segi kedudukannya sebagai salah satu sukat-sukat, sama ada tipis atau tebalnya iman seseorang. Sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Bukhari dan Muslim ada menerangkan, bahawa seseorang yang hatinya melekat pada masjid, yang selalu merindui masjid ialah orang yang diberi jaminan akan mendapat perlindungan Allah pada hari yang kemudian kelak. Hadis itu bermaksud kira-kira:

"Ada tujuh macam orang yang akan diberi perlindungan oleh Allah pada hari yang tiada pelindung melainkan hanyalah perlindungan-Nya, iaitu (i) raja atau pemerintah yang adil (ii) pemuda yang sentiasa beribadat kepada Allah dan (iii) lelaki yang sentiasa tersangkut hatinya kepada masjid....hingga akhir hadis."

Maksud "hati tersangkut pada masjid" ialah sentiasa ingin berdamping dengan masjid, membuat ibadat di dalamnya dan sentiasa pula menghormati dan melihat kedudukan masjid itu selaku rumah Allah yang sangat-sangat dimuliakan di sisi Allah. Masjid itu adalah syiar ugamanya, menjadi sukat-sukat terhadap iman seseorang, sebagaimana fir-

man Allah yang maksudnya kira-kira:

"Bahawasanya yang meramainya masjid dengan membuat ibadat di dalamnya, adalah dia itu orang yang beriman kepada Allah serta percayanya hari akhirat. Dia mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat. Dia tidak takut melainkan kepada Allah, maka mereka itulah kiranya orang-orang yang mendapat petunjuk."

Bila disebut perkara menghormati masjid, adalah ia dimaksudkan bagi sekalian umat Islam akan turut menjaga dan mengawalnya, baik dari segi memastikan yang kehormatannya tetap terus-menerus terjamin, mahupun dari segi mengawal kebersihan luar dan dalamnya, dan begitu juga kita hendaklah jangan menyimpan perasaan bahawa masjid itu adalah sama dengan bangunan-bangunan biasa yang lain.

Menganggap masjid sama dengan bangunan-bangunan biasa yang lain bukan sahaja salah dari segi anggapan yang demikian itu, bahkan boleh pula membawa kita kepada lain-lain kesalahan yang bertindih-tindih, seperti kerana kita menganggap sama dengan lain-lain bangunan biasa, maka kita tidak akan segan-silu berbual-bual dan ketawa di dalamnya,

atau berdebat atau bertengkar dengan suara-suara yang meninggi yang boleh mengganggu orang yang sedang atau hendak beribadat. Menyentuh hal ini, teringat kita kepada satu riwayat tentang dua orang laki-laki yang melakukan pertengkaran di dalam Masjid Nabi di Madinah, dua pemuda itu datang dari Thaurif. Al-Saab bin Yazid telah bercerita demikian maksudnya:

"Satu masa saya duduk di dalam masjid, tiba-tiba ada orang melempar saya, maka saya dapati orang itu ialah Umar bin Al-Khattab. Umar berkata kepada saya: Bawa kepada aku kedua-dua orang sedang bertengkar itu. Saya pun membawa kedua-duanya kepada Umar, lalu Umar bertanya: Kamu berdua dari mana? Mereka menjawab: Kami berdua dari Thaurif. Mendengar itu Umar pun berkata: Kalaulah kamu orang negeri ini (orang Madinah) nescaya aku belaskah kamu kerana perbuatan kamu mengangkat suara (bertengkar) di dalam Masjid Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam."

Salah satu cara menghormati masjid itu telah ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

dengan sabdanya yang kira-kira bermaksud:

"Apabila masuk salah seorang kamu ke dalam masjid maka janganlah kamu duduk, sehingga kamu melakukan sembahyang dua rakaat, yakni sembahyang Tahiyatul Masjid."

Adapun sembahyang Tahiyatul Masjid itu, bermakna dalam bahasa Melayu ialah sembahyang dua rakaat kerana menghormati masjid. Dan sebuah hadis lagi bermaksud kira-kira:

"Bahawasanya masjid-masjid itu tidak boleh dibawa masuk ke dalamnya najis seperti air kencing dan lain-lain kotoran, kerana bahawasanya masjid-masjid itu ialah tempat menyebut nama Allah dan tempat membaca Al-Quran."

Dari hadis tersebut, bahawa menjauhi atau mengelakkan najis daripada dibawa masuk ke dalam masjid adalah di antara perbuatan menghormati masjid. Demikian juga dengan banyak menyebut-nyebut nama Allah dan membaca Al-Quran di dalamnya, semua itu adalah terjemahan perbuatan menghormati masjid yang digalakkan oleh agama. Tetapi sebaliknya suka membuat hingar-bingar, berbual-bual dan berkelakar di dalam

masjid adalah tidak menggambarkan tingkah laku yang wajar dan baik, sebagaimana berdasarkan hadis ini. Mudah-mudahanlah dengan penerangan ringkas ini, kita semua dapat mengingatkan

dan mengambil pengajaran daripadanya demi menjaga salah satu syiar agama yang maha suci, sesungguhnya Allah itu maha mengasihi hamba-hamba-Nya yang sentiasa berbuat kebajikan.



'Al-Quran Asas Pendidikan Yang Sempurna'

Dari muka 4

berlangsung di Daerah Belait pada 16 dan 17 Mac, manakala peringkat akhir iaitu Peringkat Kebangsaan pula akan berlangsung pada 22 dan 23 April bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Untuk ke peringkat akhir nanti seramai 10 orang peserta akan bertanding iaitu 5 orang qari dan 5 orang qariah termasuk johan menunggu tahun lepas juga akan bertanding.

Tema pertandingan bagi tahun ini ialah "AL-QURAN ASAS PENDIDIKAN YANG SEMPERNA."

Bercakap mengenai tema itu, pihak penganjur men-

jelaskan bahawa terdapat di negara ini sekarang di mana kegiatan serta usaha itu bertujuan untuk mempertingkatkan pendidikan yang mana kini sedang pesat dijalankan.

Pendidikan tinggi yang dicita-citakan itu akan lebih sempurna jika diasaskan kepada pengajian Al-Quran.

PELITA BRUNEI juga difahamkan pertandingan tahun ini adalah yang ke-25 tahun dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Uagama dan bersempena sambutan yang ke-25 tahun itu satu buku kenang-kenangan pertandingan membaca Al-Quran akan dikeluarkan oleh pihak penganjur di peringkat kebangsaan nanti. — AI.

Merendahkan diri membesarkan Allah

selalu beribadat (menyembah Allah) dan selalu bermohon (berdoa) itulah golongan yang paling mulia dan paling tinggi. Orang-orang yang mempunyai atau mengandungi rasa, tabiat dan pembawaan ingin menyembah Allah, ingin merendahkan diri dan hati serta membesarkan Allah, ingin memuji-muji dan mensyukuri nikmat dan kurnia Allah, memang orang-orang yang berkesedaran dan berpengertian yang sempurna, orang yang stabil dan seimbang cara ia

berfikir, tidak cacat, tidak tempang dan tidak berat sebelah pertimbangan fikirannya.

Sebaliknya orang yang hanya dapat merasakan indahnya alam, enaknya berbagai nikmat dan kurnia Allah, tetapi tidak tergerak hatinya untuk mengingat, membesarkan dan tunduk sujud menyembah Allah. Maka orang yang demikian memang ada cacat dari cara berfikir dan kesedarannya.

Apalagi kalau di samping beribadat dan membesarkan Allah orang itu selalu memohon kepada Allah, selalu meminta dan berdoa kepada Allah, sesungguhnya orang-orang demikian itu ia mempunyai kesedaran yang besar dan sempurna sekali terhadap Allah Subhanahu Wataala, tahu benar ia akan kekuasaan dan pemurahnya Allah, tahu benar akan sifat-sifat Allah yang disembahnya itu.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda

Menuju keredaan Allah

kepada sahabatnya Mu'az bin Jabal Radiallahu anhu yang bermaksud: "Wahai Mu'az: Demi Allah aku mencintaimu. Janganlah lupa berdoa di akhir setiap sembahyang: "Ya Allah tolonglah aku dalam mengingat-Mu dan mensyukuri nikmat-Mu dan beribadat kepada-Mu dengan sebaik-baik ibadat."

Berkata Ibnu Qayyim dan Ibnu Taimiyyah sebaik-baik doa ialah meminta pertolongan Allah untuk dapat melakukan apa yang menjadi keredaan Allah, dan yang paling diredai Allah ialah mengingat, mensyukuri dan beribadat kepada-Nya.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6 Februari, 1985 hingga ke hari Selasa 12 Februari, 1985 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
6-10	12.40	3.59	4.00	6.36	6.37	7.47	7.48	5.20	5.07	5.21	6.35	6.36
11-12	12.40	4.00	4.01	6.37	6.38	7.48	7.49	5.19	5.06	5.20	6.34	6.35

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

HAMPIR lapan puluh peratus kerja-kerja persiapan dan persediaan dalam proses penyelesaian Pesta Sukan Merdeka yang akan berlangsung dari 24 hingga 31 Mac depan telah selesai dilaksanakan.

Melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk hingga kini kerja-kerja penting yang melibatkan perhubungan, keselamatan, kemudahan dan gelanggang-gelanggang sukan serta yang lainnya telah sempurna diuruskan.

"Sehingga kini hanya beberapa aspek pengendalian saja lagi yang tinggal dan insya-Allah dalam sedikit masa lagi persiapan menyeluruh akan siap menjelang sukan tersebut bermula," tegas Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi kejohanan tersebut.

Sukan ini adalah sangat besar maknanya bagi Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Dimuliakan Pehin. Menurutnya ianya bukan saja merupakan sukan yang bertaraf antarabangsa tapi yang penting ianya adalah sukan sempena Kemerdekaan negara ini.

"Ianya adalah lambang kemerdekaan negara kita. Sememangnya setiap negara yang merdeka mempunyai kejohannya tersendiri dan ini adalah salah satu cara untuk kita ikut bertanding dan memupuk persahabatan dengan negara-negara jiran melaluinya.

Melaluinya juga kita akan berpeluang untuk meninjau setakat mana kemampuan kita bersaing dengan athlit-athlit dari negara yang sudah berpengalaman," jelasnya.

Pesta Sukan Merdeka mungkin yang terbesar selepas Sukan SEA memandangkan kesemua negara-negara dalam ASEAN telah menyatakan kesanggupan untuk mengambil bahagian.

Dari lima negara itu hanya Thailand yang belum menghantar kontinjen yang akan mengambil bahagian tapi difahamkan negara tersebut telah memberikan jaminan akan mengambil semua sebelas acara yang dipertandingkan.

Sambutan dari negara-negara yang diundang adalah mengagumkan kerana hampir setiap negara menghantarkan kontinjen yang besar.

"Dari pengesahan yang diterima Indonesia akan

Pesta Sukan Merdeka:

PESTA Sukan Merdeka akan diadakan selama seminggu mulai dari 24 Mac depan. Untuk meninjau persiapan-persiapan bagi mengadakan pesta sukan yang terbesar pernah diadakan di negara ini, ikutlah wawancara Awang Abd Manap dengan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain yang juga selaku Pengerusi Tertinggi Pesta Sukan Merdeka.

menghantar 216 peserta, kontinjen Malaysia 220, Singapura 193 dan Filipina 141. Negeri Thai akan memberikan pengesahan dalam beberapa hari lagi," jelas Yang Dimuliakan Pehin.

Di kejohanan ini nanti sebanyak sebelas acara akan dipertandingkan termasuk bola sepak, sepak takraw, olahraga, badminton, bola keranjang, bola tampar, tinju, hoki, ping pong, tenis dan lumba perahu.

Pihak jawatankuasa tertinggi juga telah menetapkan tempat-tempat yang akan terlibat dalam pengendalian acara-acara tersebut.

Bola sepak dan olahraga di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, badminton dan bola tampar di Pusat Belia, tinju dan hoki di Stadium Hassanal Bolkiah, Polis Diraja Gadong, sepak takraw, Maktab MPSBS/Sekolah Sains, bola keranjang, Sekolah Menengah Chung Hwa, lumba perahu, Pantai Serasa, tenis, di Kelab Tenis dan ping pong, Maktab Perguruan Ugama.

BESAR ERTINYA KEPADA NEGARA



Semua acara ini akan diadakan serentak selepas upacara pembukaan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

"Pada 23 Mac pembukaan rasmi Kampung Sukan akan dilakukan pada sebelah tengah hari dan esoknya, 24 Mac pembukaan rasmi sukan ini pula akan berlangsung. Selepas itu kesemua acara akan berjalan serentak. Dan upacara penutup pula juga akan berlangsung di Stadium Negara pada 31 Mac."

Dalam menyentuh tentang kemudahan-kemudahan bagi

para peserta Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan: "Hampir keseluruhan kemudahan dan biaya kejohanan sukan ini ditanggung oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

"Ini termasuklah memberikan tambang percuma separuh jalan kepada para peserta dan pegawai dari negara-negara yang diundang. Selain itu juga kemudahan lain juga diberikan seperti penginapan, pengangkutan, permakanan, kesihatan dan perubatan, lawatan-lawatan, keselamatan dan sebagainya."

Menurut Yang Dimuliakan Pehin lagi setiap kontinjen negara-negara undangan itu akan mengandungi seorang Chief De Mission, Pegawai Perubatan, pegawai-pegawai khas dan peserta-peserta serta seorang pegawai untuk setiap acara yang diambil.

Jika dihitung secara kasar kejohanan ini akan melibatkan lebih dari seribu peserta.

Memandangkan kejohanan ini satu perjumpaan sukan yang besar dan bertaraf antarabangsa setentunya jika dinilai negara kita tidak mampu untuk mengendalikan semua kerja-kerja teknikalnya.

Dalam hubungan ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah meluluskan undangan untuk menjemput pakar-pakar teknikal sukan bagi memberikan bantuan dan tunjuk ajar kepada tenaga-tenaga tempatan.

Tetapi ini tidaklah menyeluruh hanya di bidang-bidang acara sukan tertentu di mana kita kekurangan tenaga mahir saja yang memerlukan bantuan.

"Mereka ini diundang untuk memberikan tunjuk ajar serta mengadakan seminar bagi pegawai-pegawai sukan

terutamanya yang banyak membabitkan tenaga tempatan seperti acara olahraga setiap tahun. Tetapi jumlah negara dan para peserta akan tertakluk kepada jumlah acara pertandingan.

"Ini juga diharapkan akan memberikan pengalaman kepada mereka dalam mengendalikan sukan antarabangsa. Di kejohanan ini saja kita telah mendapatkan 450 tenaga tempatan bagi mengendalikan sukan ini yang dijemput untuk memberikan tenaga sukarela mereka.

Selepas perjumpaan sukan kali pertama ini, Pesta Sukan Merdeka akan diadakan pada setiap tahun. Tetapi jumlah negara dan para peserta akan tertakluk kepada jumlah acara pertandingan.

"Tidak semua acara akan dipertandingkan hanya beberapa acara saja yang difikirkan negara kita boleh mengetengahkan saja akan terlibat tetapi semua ini diserahkan kepada pihak kerajaan dan jawatankuasa tertinggi nanti."

Ahli sukan kita mampu memberikan tentangan

DALAM tempoh dua atau tiga tahun lagi Negara Brunei Darussalam akan dapat melahirkan ahli sukan yang boleh diketengahkan dan mampu bersaing dengan negara-negara yang berpengalaman.

Meskipun negara kita kecil dari saiznya tidak bermakna kita kekurangan para olahraga yang berpotensi kerana melalui pendidikan dan kemudahan yang diberikan serta mendapat bimbingan dan tunjuk ajar yang baik tentu akan membuahkan hasil yang memuaskan.

Setakat ini kita mempunyai beberapa acara yang sudah dapat diketengahkan dan kadang-kala dapat memberikan tentangan dan menumbangkan negara-negara lain.

Tinju, bola sepak, lumba perahu dan sepak takraw sudahpun melangkah begitu jauh.

Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain dalam menjelaskan perkembangan dan peningkatan sukan negara menambah: "Lapangan sukan yang lain juga sedang

dalam proses peningkatan dan hanya masa yang akan menentukan sejauh mana kita akan mampu bersaing dan mencabar di peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun dengan adanya kemudahan seperti tenaga-tenaga jurulatih luar dan pakar-pakar sukan yang didatangkan adalah diharapkan peningkatan, perkembangan dan kemajuan sukan negara akan bertambah baik."

Dalam jangka panjang dan penyelidikan yang dibuat beberapa jenis sukan negara kita mampu untuk dipertingkatkan dan di kejohanan Pesta Sukan Merdeka nanti akan menjadi salah satu tempat untuk mengukur dan memilainya.

"Di Pesta Sukan Merdeka nanti ada beberapa acara kita dapat memberikan sumbangan dan cabaran. Tetapi janganlah mengharap kemenangan di setiap acara yang disertai. Berikan mereka peluang dan sokongan kerana kejayaan sukan negara tidak dapat dicapai dalam sekelip mata. Ianya memerlukan masa dan pengorbanan segenap pihak," jelasnya.



YANG Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain, selaku Pengerusi Tertinggi Pesta Sukan Merdeka.



PUSAT Tingkatan Enam, Gadong salah sebuah tempat yang akan dijadikan Perkampungan Sukan.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 6 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TEETIME AND CLAUDIA
4.40 ANIMAL IN ACTION :
"Only A Drop To Drink"
5.10 IT'S YOUR MOVE
5.40 SUPERFRIENDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 SUPERFRIENDS — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEEL (Siri baru)
"Steele Away With Me" Bhg. I
7.48 AZAN ISYAK
7.52 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 FORUM : "Kesan Dan Pengaruh Iklan Kepada Pengguna"
9.55 ROAD TO WEMBLEY
10.50 NEWHART : "What Is This Thing Called Lust?"
11.20 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 7 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 CAMP WILDERNESS :
"Beware Of The Bear"
6.25 CHOCKY
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 CHOCKY — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE A TEAM :
"Labor Pain"
7.48 AZAN ISYAK
7.52 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 THE AGATHA CHRISTIE HOUR :
"Magnolia Blossom"
10.35 THREE'S COMPANY :
"Jack To Rescue"
11.00 TAYANGAN GAMBAR :
"Vault of Horrors"
1.00 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 8 FEBRUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

PETANG

- 1.25 THE YEARLING :
"Abandoned"
1.40 THE LIVING PLANET :
"Sea Of Grass"
2.30 HE-MAN AND THE MASTER OF THE UNIVERSE
3.00 KONONNYA : "Si Laba"
3.25 WEBSTER
4.00 AZAN ASAR
4.04 MILLER'S COURT
4.30 PHYSIC IN ACTION (Ulangan)
4.55 SCIENCE WORKSHOP
5.15 EXPEDITION DANGER
5.45 MAKING THE MOST OF THE MICRO — ulangan

- 6.00 BERITA AWAL
6.05 MAKING THE MOST OF THE MICRO — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 TEKA TEPAT — sambungan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 AUTOMAN : "Club Ten"
7.48 AZAN ISYAK
7.52 AUTOMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DRAMA TEMPATAN :
"Serba Salah" Bhg. 4
9.50 HARDCASTLE AND McCORMICK : "Third Down And Twenty Years To Life"
10.45 KNOTS LANDING :
"Yesterday It Rained"
11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 9 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 MARINE BOY :
"Danger At 300 Fathoms"
6.00 BERITA AWAL
6.05 BRITANNICA'S PHENOMENAL WORLD : "Circle Of Life"
6.25 GOING BANANAS :
"Bananas's Best Friend"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 GOING BANANAS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER :
"Knight Of Drone" Bhg. II
7.48 AZAN ISYAK
7.52 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 BINTANG KECIL : '85 PERINGKAT SEPARUH AKHIR No. 2
9.50 TAYANGAN GAMBAR MELAYU :
"Hapuslah Airmata Mu"
11.20 TAYANGAN GAMBAR AKHIR :
"Daddy, I Don't Like It Like This"
1.00 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 10 FEBRUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 BIG LEAGUE SOCCER
12.40 AZAN ZUHUR
12.55 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan

PETANG

- 1.15 TAYANGAN GAMBAR :
"New Love Boat"
2.45 PAUL ANKA
3.15 PINK PANTHER INSPECTOR
3.45 BILL COSBY SHOW
4.00 AZAN ASAR
4.04 BILL COSBY SHOW — sambungan
4.10 FANTASY ISLAND
4.55 ECONOMIC MADE EASY (Ulangan)
5.05 THE PAPERCHASE :
"Judgment Day"
6.00 BERITA AWAL
6.05 FRANKENSTEIN JR AND THE IMPOSSIBLE
6.25 FOUL-UP BLEEP AND BLUNDERS
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 FOUL-UP BLEEP AND BLUNDERS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LEGMAN :
"The Poseidon Indenture"
7.48 AZAN ISYAK
7.52 LEGMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA

- 8.35 MUZIKARAMA
9.15 JOURNEY INTO THAILAND :
"Tales Of Gods And Demons"
9.40 THAT'S MY BOY
(Siri Baru Komidi)
10.10 MALIBU Bhg. 4
11.00 TALES OF THE UNEXPECTED :
"Wet Saturday"
11.30 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 11 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TOM FOOLERY SHOW
5.00 SMURFS
5.30 SURVIVAL SPECIAL :
"A Bread Apart: The Wildlife Cameraman"
6.00 BERITA AWAL
6.05 SURVIVAL — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER :
"A Matter of Passion"
7.49 AZAN ISYAK
7.53 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK :
"Daging Pindang Asli"

- Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.25 GIVE US A CLUE
9.50 DOCUMENTARY SPECIAL :
"Story Of Yellow Foot"
10.40 THE JEWEL IN THE CROWN :
"Travelling Companions"
11.30 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 12 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 LUCKY LUKE
5.00 WILDLIFE ON ONE (Siri baru)
"The Serpent's Secret"
5.30 JOHAN AND PEEWIT
6.00 BERITA AWAL
6.05 NATIONAL GEOGRAPHIC :
"Love Those Trains"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 NATIONAL GEOGRAPHIC — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE MASTER (NINJA) :
"Juggernaut"
7.49 AZAN ISYAK
7.53 THE MASTER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.35 THE TWO RONNIES
10.25 DYNASTY : "The Secret"
11.15 POT BLACK 1983
11.40 SIARAN TAMAT.

Rancangan TVP dari 11-13 Februari 1985

ISNIN — 11 FEB.

PAGI

- 8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Daun)
Dalam rancangan ini murid-murid akan belajar mengenai dengan tugas-tugas daun terhadap tumbuhan.
Daun mempunyai berbagai-bagai bentuk dan saiz. Tiap-tiap helai daun terdiri dari berbagai-bagai bahagian. Sungguhpun begitu tugas daun adalah sama iaitu untuk memproses makanan. Ikutilah rancangan ini untuk mengetahui huraian yang lebih lanjut.
9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Kitchen)
Dalam rancangan ini perkara dapur diajar kepada murid-murid. Beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'e' juga diajarkan. Sebuah cerita diselitkan dalam rancangan ini.
10.05 MARI BERCERITA (Kebaikan Dibalas Dengan Kejahatan)
Seekor kerbau telah menyelamatkan seekor buaya yang ditimpa oleh sebatang pokok. Untuk membalas jasa kerbau itu, buaya tadi telah menangkap kerbau tersebut untuk dijadikan makanannya. Kejadian ini telah disaksikan oleh Sang Kancil yang kebetulan berada di situ. Apakah tindakan yang dapat dilakukan oleh Sang Kancil? Berjayakah kerbau itu melepaskan dirinya?
Untuk mengetahuinya, saksikanlah siaran siri rancangan ini.
10.35 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet 2)
Rancangan ini adalah bahagian kedua dari siri rancangan (Magnet 1). Dalam rancangan ini murid-murid akan belajar mengenai:
a) Sifat Magnet
b) Benda-benda magnetik dan benda-benda bahan magnetik.
c) Faedah magnet.
Benarkah magnet sentiasa menarik benda-benda? Saksikanlah rancangan ini untuk mendapatkan jawapannya.

SELASA — 12 FEB.

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Daun)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Kitchen)
10.05 MARI BERCERITA (Anjing Dengan Bayang-Bayang)
Cerita kali ini mengisahkan seekor anjing yang sedang kelaparan terjumpa seekor tulang, kerana takut dilihat oleh anjing-anjing lain, tulang itu digonggongnya dan dibawa pergi. Kemudian anjing tersebut sampai kesekeloa titi. Bila ia memandang ke air dari atas titi itu ia ternampak ada seekor anjing sedang menggonggong tulang. Apa lagi, timbulah perasaan tamaknya hendak merebut tulang itu. Untuk mengikuti kisah selanjutnya silalah adik-adik ikuti rancangan ini.
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet 2)

RABU — 13 FEB.

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Daun)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Kitchen)
10.05 MARI BERCERITA (Ayam Dengan Sebiju Padi)
Kali ini mengisahkan tiga ekor binatang iaitu kucing, ayam dan itik yang tinggal dalam sebuah ladang. Mereka bertiga ber kawan baik. Satu hari ayam telah berjumpa dengan sebiju padi. Ayam membawa padi itu kepada kawan-kawannya untuk sama-sama menanainya. Kedua kawannya tidak mahu menolongnya. Berjayalah ayam menanam padi itu sehingga akhirnya menjadi kuih? Apakah yang terjadi dengan kucing dan itik yang malas dan tidak mahu bekerjasama itu?
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet 2)



Rancangan Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU

6 FEBRUARI

PAGI: 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu, 11.15—Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30—Seloka Merpati/Mutiara Asli.

PETANG: 2.00—Hiburan, 2.30—Nada Pedoman/Muzika Tanahair (SU), 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30—Forum (SU), 4.00—Suara Kugiran (SU), 4.30—Ruangan Katani (SU), 5.00—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.15—Permintaan Sukaramai, 9.15—Pertandingan Bintang Kecil '85.

HARI KHAMIS

7 FEBRUARI

PAGI: 9.00—Dokumentari (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Rogeng Tanahair (SU), 10.30—Permintaan Sukaramai, 11.30—Untuk Awd.

TENGAH HARI: 1.30—Sumbangsih/Senandung Lagu-lagu Lama (SU).

PETANG: 2.00—Tetamu Radio (SU), 2.30—Sekitar Masyarakat, 3.15—Hiburan Petang, 3.30—Majalah Ugama, 4.00—Lakonan Hikayat Malim Deman, siri ke-9, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Bacaan Surah Yassin, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Bimbingan Al-Quran, 9.00—Lagu-lagu Asli, 9.30—Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT

8 FEBRUARI

PAGI: 9.30—Nada Pedoman/Muzika Tanahair, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30—Tafsir Al-Quran (SU), 11.00—Lagu-lagu Irama Asli, 11.30—Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.15—Bacaan Al-Quran, 12.30—Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15—Selingan Irama, 1.45—Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00—Keluarga Si Awang (SU), 2.30—Meniti Sejarah Silam, 3.15—Dendang Si Alai (SU), 3.30—Mingguan Pelajar, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30—Dunia Wanita, 5.00—Suara Bintang-Bintang/Pyanyany Harapan, 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00—Cerpen Dan Salukan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Majalah Ugama (SU), 9.00—Alam Remaja (SU), 9.30—Senandung Malam.

HARI SABTU

9 FEBRUARI

PAGI: 9.00—Mingguan Pelajar (SU), 9.30—Hiburan Riang Ria, 9.45—Dendang Si Alai (SU), 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampasari (SU).

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00—6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30—12.45 Untuk Awd
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.25 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)

8.00 pagi

10.00 pagi

12.45 tengah hari

1.30 tengah hari (hari Jumaat)

3.00 petang

5.30 petang (Berita Perdana)

8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

9.30—Kutujukan Lagu.

HARI SELASA

12 FEBRUARI

PAGI: 9.00—Suara Perajurit (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30—Permintaan Kaum Wanita, 11.45—Radio Minggu Ini.

TENGAH HARI: 1.30—Senandung Lagu Lama/Sumbangsih.

PETANG: 2.00—Kusampaikan Salam, 2.30—Varia Peristiwa, 2.45—Hiburan, 3.15—Seni Dan Sastera (SU), 3.30—Sukma Ria (SU), 4.00—Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.00—Radio Minggu Ini, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Tinjauan (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.15—Sandiwara Radio (SU), 9.00—Forum, 9.30—Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 33rd Cheltenham Festival: Beethoven Sonatas (Prog. 6 side 1 of 3 & side 2 of 3).
9.00 Talking About Music—302.

THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Sixty-Minute Theatre: Talking About Music—302.
9.30 The Merchant Part 1 by Aronold Wesker.
9.30 Ella Fitzgerald In Concert (side 2 of 3).

FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

11.00 Islam In Daily Life—The Muslims Good Manners—6/30.
11.15 Light Music From The Netherlands—643.
11.30 Children's Half Hour
NOON
12.00 1980 Cambridge Folk Festival—10/10.
12.45 My Music—339.

P.M.

1.15 Book Club: The World Is A Wedding by Bernard Kops—6/10.
1.30 Break for Music—6/12.
1.45 Just for variety by continuity announcer.
2.45 Fifteen Minute Theatre: The Other Side of The Door by John Wilkie.

3.00 Soundtrack of the Sixties: (K842—13 side 2B & 3B).

4.00 Chinese programmes.

8.00 The World of Books

8.30 Thirty-Minute Theatre: The Traveller by Graham Swannell.

9.00 Perspective

9.30 A Date With (repeat)

SATURDAY

P.M.

8.00 Hits In Germany.
8.30 Just A Minute—299/299.
9.00 Latin Instrumental.
9.30 Top of The Pops—1053.

SUNDAY

A.M.

11.00 A Date with
11.30 Practical World
11.45 Feature: Tales from the South China Sea—Ep. 2

P.M.

12.15 Lunch Time Melodies.
12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops—1053 (repeat)
1.30 Weekend Greetings
2.45 Patterson—A Comedy Serial set in An English Provincial University—6/8.
3.15 Just for variety
8.00 Feature: Tales from the South China Sea—Ep. 2. (repeat)
8.45 BBC Science Magazine
9.30 John Lennon 1940-1980—a five part tribute to the man and his music—Prog. 1 side 1 of 2.

MONDAY

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: The Child by Olwen Wymark
8.45 Synthesizer: The Machine And The Musician—Part 2.
9.30 John Fox Presents—13/18.

TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: Gary Numan side 2.

DAILY

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana followed by Brunei Darussalam In Reminiscence, Brunei's AM and Weather Forecast
7.30 Local News with Tide Times
7.35 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.
12.30 News followed by Brunei Darussalam Reminiscence, and Weather Forecast.
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays

P.M.

9.15 News.